

K D N 7890

KELUARAN 11 1986

JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



KANDUNGAN

Halaman

|  |    |
|--|----|
| 1. Penyelidikan Kota Kerajaan Bukit Tinggi – Serentan oleh Encik Mohd. Hisam bin Tahat | 9  |
| 2. Masyarakat Indigo Alaiyahabam Dato' Telah bin Talib oleh Encik Azam bin Md. Amin    | 14 |
| 3. Ukuran Rumah Minang oleh Encik Yassin bin Idrus                                     | 23 |
| 4. Koleksi Perhimpunan Adat oleh Encik Yassin bin Idrus                                | 32 |
| 5. Terumbul Adat Pengang Membingang oleh Encik Yassin bin Idrus                        | 36 |
| 6. Terombang Adat Pelampih   | 40 |
| 7. Terombang Adat Perapuh  | 44 |
| 8. Buku Tuisa dalam Perang Singgalung oleh Tuanku Haji Abd. Aziz bin Saleh             | 44 |

## SIDANG REDAKSI PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



Pengerusi : Tuan Hj. Yahya bin Mayah, AMN., PMC., PJK.

Setiausaha : Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK.

Ahli-ahli : Encik Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.

Tuan Hj. Mohd. Pilus bin Hj. Yunus, PJK.

Tuan Hj. Mohd. Yusof bin Hj. Yahya.

Encik Mahmud bin Kassim.

Encik Yasin bin Sulaiman.

Encik Hashim bin Thani, PJK.

Warisan, Jurnal Tahunan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, tahun ini seperti biasa memuatkan hasil-hasil penyelidikan dan kajian mengenai bahan-bahan Sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial, politik dan ekonomi.

Namun demikian, pendapat-pendapat dan buah fikiran yang terkandung di dalam rencana-rencana di dalam Jurnal ini tidaklah semestinya merupakan pendapat-pendapat atau buah fikiran Sidang Redaksi atau Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

Sumbangan berupa rencana daripada peminat-peminat Sejarah sangatlah dihargai dan hendaklah dialamatkan kepada:-

Sidang Redaksi,  
Jurnal Warisan,  
Persatuan Sejarah Malaysia,  
Cawangan Negeri Sembilan  
d/a Jabatan Pendidikan,  
Negeri Sembilan.  
70604 Seremban.

(U.P: Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK)



**Y.A.B. DATO' MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD  
D.S.N.S., P.M.C.  
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN**

Telefon: Seremban 722421 & 722311

PEJABAT MENTERI BESAR,  
NEGERI SEMBILAN.



## KATA-KATA ALUAN


Penerbitan Warisan kali ke 11 ini sudah tentu memberi peluang yang lebih luas kepada pencinta sejarah tanah air mengenali tentang sejarah Negeri Sembilan.

Ia juga akan memberi peluang kepada lebih ramai penulis, pelajar dan orang-orang perseorangan menyumbangkan penulisan mereka berhubung dengan sejarah tempat masing-masing.

Sehubungan dengan itu sukacita saya mengambil peluang ini mengajak lebih ramai penulis, khususnya pelajar, menyumbangkan tulisan mereka di dalam majalah ini, kerana melalui penulisan tersebut, dapatlah sama-sama kita dedahkan kepada masyarakat tentang perjalanan sejarah Negeri Sembilan ini secara amnya, dan sesuatu tempat itu khasnya.

Dan, untuk menghasilkan sesuatu penulisan itu, saya berharap penulis-penulis tadi akan dapat menjalankan siasatan yang rapi dan mendalam terhadap sesuatu peristiwa sejarah agar tulisan yang dihasilkan dan diterbitkan itu benar-benar bermutu.

Akhir kata, sukacita saya mengucapkan tahniah kepada Persatuan Sejarah Negeri Sembilan dan kepada sidang ridaksi Warisan di atas penerbitan Warisan kali ke 11 ini.



(DATO' MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)

## DARI MEJA PENGARANG

nillahirrahmannirrahim.

alamualaikum.

RISAN adalah buku kecil yang berbentuk Jurnal Sejarah yang diusahakan oleh satuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, yang dikeluarkan pada tiap-tiap in.

ha-usaha untuk menerbitkan bahan-bahan Sejarah bukan sahaja menjadi tugas kepada ah-tokoh Sejarah dan golongan cendekiawan tempatan dan tanah air, tetapi juga untuk ipuk dan diperkembangkan bakat-bakat penyelidikan dan penulisan ini di kalangan ijar-pelajar sekolah. Guru-guru Sejarah dan guru-guru yang berminat terhadap Sejarah ulah memainkan peranan masing-masing. Jika tidak, khazanah-khazanah Sejarah ebut, khususnya Sejarah lisan akan luput dan hilang ditelan zaman, khususnya di zaman s dan teknologi ini.

anan Sejarah untuk pembentukan negara dan kemegahan bangsa tidak dapat dinafikan. am keghairahan kita mengajar kemajuan sains dan teknologi, mata pelajaran dan minat hadap Sejarah semakin berkurangan. Menyedari hakikat ini Kementerian Pendidikan aysia telah memberikan perhatian yang khusus terhadap pengajaran dan pembelajaran irah di sekolah-sekolah menengah masa-masa akan datang. Langkah-langkah yang krit, positif dan berkesan untuk meletakkan Sejarah pada perspektif yang betul sedang oses dalam melaksanakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah pada tahun 1988 ti.

RISAN keluaran Ke 11 memuatkan artikal-artikal yang berunsur kebudayaan/ enian/politik dan sosial yang ada hubungannya dengan Sejarah Negeri Sembilan. Bagi ik Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, mengucapkan setinggi- gi terima kasih kepada penulis-penulis artikal-artikal keluaran ke 11 di atas kerjasama eka bagi menjayakan makalah ini. Untuk membolehkan WARISAN ini diterbitkan terusan diharapkan para peminat, pembaca dan tokoh-tokoh Sejarah tempatan dapat nberikan sumbangan artikal yang difikirkan sesuai.

ian, terima kasih.



DATO' DR. HAJI YAHAYA BIN MAYAH, AMN., PMC., PJK  
Pengarang.

## SENARAI NAMA JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1986

|                          |   |  |
|--------------------------|---|--|
| Yang Di Pertua           | : | Y.A.B. Dato' Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad,<br>DSNS., PMC. (Menteri Besar, Negeri Sembilan).  |
| Naib Yang Di Pertua      | : | Encik Abdul Rahman bin Mohd. Ali, KMN., ASK.   |
| Setiausaha Kehormat      | : | Encik Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.  |
| Pen. Setiausaha Kehormat | : | Encik Mazlan bin Abdullah, AMN., PJK.  |
| Bendahari                | : | Encik Tan Ghee Peng, AMN.  |
| Ketua Pengarang          | : | Tuan Haji Yahaya bin Mayah, AMN., PMC., PJK.   |
| Ahli-ahli Jawatankuasa   | : | YB. En. Kadir bin Kassim, AMN., PMC., PJK.<br>: Encik Hashim bin Jasa, AMN., PJK.<br>: Tuan Haji Hisham bin Omar, PJK.<br>: Encik Sulaiman Samad, PJK.<br>: Datuk Mohd. Sharif bin Fakieh Hasan, PPN., PMC.,<br>PKL., PJK. |

### PENGERUSI DAERAH

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Daerah       | : | Nama   |
| Jelebu       | : | YB. Encik Kadir bin Kassim, AMN., PMC., PJK. |
| Seremban     | : | Tuan Hj. Ismail bin Jamil.                   |
| Port Dickson | : | Tuan Haji Othman bin Bakar.                  |
| Rembau       | : | Encik Mazlan bin Hj. Abdullah, AMN., PJK.    |
| Tampin       | : | Tuan Hj. Hisham bin Omar, PJK.               |
| Kuala Pilah  | : | Encik Omar bin Salam, PJK.                   |
| Jempol       | : | Encik Mohd. Razali bin Mahmud, PJK.          |

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN DAN PENYELIDIKAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
1986**

|                        |   |  |
|------------------------|---|--|
| Pengerusi Penerbitan   | : | Tuan Haji Yahaya bin Mayah, AMN., PMC., PJK. |
| Pengerusi Penyelidikan | : | Encik Mazlan bin Abdullah, AMN., PJK.        |
| Setiausaha             | : | Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK.       |
| Bendahari              | : | Encik Tan Ghee Peng, AMN.                    |

**Jawatankuasa**

Encik Mohd. Razali bin Mahmud, PJK

Dato' Sharib bin Fakieh Hassan, PPN., PJK., PMC., PKL

Encik Hashim bin Jasa, AMN., PJK

Tuan Hj. Hisham bin Omar, PJK

Encik Sulaiman Samad, PJK

Encik Ismail bin Jamil.

Puan Kamariah bte Hj. Sabeh

Encik Mahmud bin Kassim

Encik Hashim bin Thani, PJK.

Tuan Hj. Mohd. Pilus bin Hj. Yunus, PJK.

Tuan Hj. Mohd. Yusof bin Hj. Yahya.

Tuan Haji Md. Jan bin Othman.

Encik Yaacob bin Idrus.

## BUKIT TIGA DALAM PERANG SUNGAI LINGGI.

Oleh: Abdul Aziz Saleh.

### SUNGAI LINGGI.

Dari segi sejarah Negeri Sembilan dan Sejarah Kebangsaan, Sungai Linggi telah memainkan peranan penting sejak berabad-abad lamanya sebelum abad ke 20. Cuma tinggalan-tinggalannya atau rekod-rekod bertulis yang menjelaskan seluruh perkembangannya tidak dibuat atau sememangnya tidak dapat dikesan.

Setakat ini sekurang-kurangnya kita dapat melihat dua fungsi penting paling ketara telah berlaku sepanjang sejarah kegiatan manusia terhadap Sungai Linggi dan lembah-lembah petempatannya.

Pertama ialah kegiatan pembukaan dan penghunian manusia di sepanjang lembah-lembah petempatannya. Lembah-lembah ini adalah wilayah-wilayah dan kampung-kampung yang penting dan kurang penting. (1).

Kedua, terdapat petempatan-petempatan tertentu yang stratijik, yang telah mencorakkan kegiatan-kegiatan politik dan ekonomi bukan sahaja bagi Negeri Sembilan, malahan juga bagi negeri-negeri lain yang berjiran. (2)

Bagi Tanah Melayu dan Negeri Sembilan, abad ke 19 merupakan setengah abad yang penuh dengan aktiviti-aktiviti penguasaan dan perebutan dalam bidang politik dan ekonomi. Dalam usaha menguasai kedudukan politik dan ekonomi, kerajaan dan kuasa-kuasa ekonomi Melayu sebelum akhir abad ke 19, maka kegiatan dan peristiwa-peristiwa perang telah mengambil peranannya. Dalam konteks itulah, khasnya Sungai Ujung dan Rembau, maka Sungai Linggi terlibat secara langsung, tanpa dapat dielakkan lagi, kerana Sungai Linggi adalah satu-satunya yang menjadi nadi penggerak ekonomi dan politik di Negeri Sembilan sebelum berakhirnya abad ke 19.

Dalam usaha menguasai dan memenangi peperangan, beberapa tempat stratijik di Sungai Linggi telah digunakan. Antaranya ialah Bukit Tiga dan Simpang.

- 
1. Maksud penting di sini ialah sebanyak manakah petempatan-petempatan itu mencipta sejarah: Lokal atau Nasional.
  2. Kenyataan lebih jelas telah dimuatkan dalam artikel, 'Peranan Sungai Linggi dalam Pergolakan Politik Sungai Ujung Abad ke 19' dalam JERNAL WARISAN , Bil. (8) Tahun 1983, Terbitan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan n. Sembilan.

## BUKIT TIGA.

Bukit Tiga adalah sebuah bukit kecil setinggi lebih kurang tiga puluh kaki dari paras air Sungai Linggi ketika surut. Mempunyai keluasan lebih kurang dua hektar persegi. Terletak di suatu selekoh sungai kira-kira empat batu menghulu sungai Linggi dari Simpang dan kira-kira sepuluh batu mudik dari kuala sungai Linggi. Bukit Tiga ini juga kadang-kadang dipanggil PENARUS yang bermaksud 'tumpuan arus', kerana arus sungai yang menghilir dari hulu sungai Linggi bertumpu sepenuhnya ke bukit ini, disebabkan selekoh sungai itu benar-benar terjadi betul-betul di kaki bukit itu.

Dari segi muslihat perang, Bukit Tiga sangat sesuai sebagai Kota Pertahanan. Oleh itu ia telah digunakan sepenuhnya. Ini jelas dapat dilihat dalam sejarah pergolakan politik Sungai Ujung dari TM 1830 hingga TM 1874. Period selama lebih dari empat puluh tahun ini dalam sejarah Sungai Ujung khasnya dan Negeri Sembilan amnya telah meninggalkan satu kesan yang jelas.

Dalam masa tersebut di atas aktiviti-aktiviti tokoh politik dan perdagangan telah bergerak cergas untuk menguasai Sungai Ujung dan Rembau. Mereka termasuk Dato'-Dato' Undang Sungai Ujung dan Rembau, Dato' Syahbandar Sungai Ujung, Gabnor Inggeris di Negeri-Negeri Selat, saudagar-saudagar Inggeris di Negeri-Negeri Selat dan saudagar-saudagar China dari Melaka. (3)

Dalam tahun 1830 Raja Ali dan Syed Shaaban diiktiraf oleh Inggeris sebagai Dato' Penghulu Rembau, selepas mereka berjaya mengalahkan Naning dalam Perang Naning. Pengiktirafannya itu menyebabkan Raja Ali cuba meningkatkan lagi kedudukannya sebagai Yang Dipertuan Negeri Sembilan dan melantik Syed Shaaban – menantunya – sebagai Yang Dipertuan Muda. Selepas itu ia cuba menguasai Sungai Linggi untuk mengawal kegiatan perdagangan dari Melaka ke Sungai Ujung yang menggunakan sungai itu. Ia mengenakan cukai dua ringgit bagi satu bahara bijih timah. Ia membina kubu pertahanan di Simpang yang terletak di satu pertemuan dua cabang Sungai Linggi. Dua cabang sungai ini dikenali sebagai Sungai Batang Penajis dan Sungai Batang Benar.

Sungai Batang Benar mengalir dari Sungai Ujung ke Selat Melaka melalui wilayah Linggi, sebuah wilayah yang telah diserahkan kepada Dato' Muda Linggi oleh Rembau dan Sungai Ujung. Pada masa itu diketui oleh Dato' Muda Mohd. Kattas. Dia bukan sahaja seorang pemimpin yang berwibawa malahan jua seorang saudagar dan pedagang bijih timah yang sangat berjaya.

Tindakan Raja Ali dan Syed Shaaban telah mengancam ketenteraman perdagangan Dato' Muda Kattas. Sebagai pemimpin yang bukan sahaja bertanggungjawab kepada wilayahnya,

---

3. Keterangan jelas telah diberi dalam artikel yang sama. Ibid.

malahan ia juga terpaksa menunaikan amanah Dato' Kelana Sungai Ujung bagi mengekal-kan keamanan di sana, demi menjaga kepentingan perdagangan bijih timah Sungai Ujung dengan Negeri-Negeri Selat. Dari kedua-dua kepentingan itu Dato' Muda Kattas tidak membjarkan keadaan menguasai dirinya sebaliknya ia bergerak menguasai suasana.

Dato' Muda Mohd. Kattas dengan sokongan peniaga-peniaga China di Melaka dan saudagar-saudagar Inggeris di Negeri-Negeri Selat telah bertindak. Ia mengisyiharkan perang terhadap Raja Ali dan Syed Shaaban. Perisytiharan ini mendapat sokongan Dato' Kelana Kawal Sungai Ujung dan Raja Radin dari Seri Menanti.

Gabungan tenaga dari pihak-pihak ini telah menentang Raja Ali mencetuskan satu peperangan yang dinamakan sebagai Perang Linggi dengan Raja Ali dan Syed Shaaban. Perang ini berlaku dalam TM 1833.

Dalam peperangan inilah Bukit Tiga telah terlibat. Bukit ini jadi rebutan antara 'puak Linggi' dengan puak Raja Ali dan Syed Shaaban.

Lingga telah dapat dipertahankan sepenuhnya, kerana puak Linggi berjaya menduduki Bukit Tiga. Kubu-kubu pertahanan telah didirikan di sana dan perahu-perahu dagang dapat dikawal melalui pengkalan-pengkalannya di Pengkalan Kundang, Pengkalan Manggis, Pengkalan Durian dan Permatang Pasir. Permatang Pasir adalah pelabuhan terakhir dari Sungai Ujung tempat perahu-perahu singgah, sebelum sampai ke Simpang dan seterusnya ke Selat Melaka.

Dari Bukit Tiga serangan-serangan telah dihalakan ke arah pertahanan Raja Ali - Syed Shaaban yang bertahan di Simpang. Sekiranya Bukit Tiga terlebih dahulu dikuasai oleh kelompok Raja Ali maka mereka akan dengan mudah menyerang dan memusnahkan perahu-perahu dagang dan angkatan perang Linggi yang datang dari Linggi dan Sungai Ujung. Dari Bukit Tiga ini meriam, anak panah dan lembing dapat ditujukan dengan mudah kepada angkatan perang Linggi. Pahlawan-pahlawan yang handal gagah berani dengan senang boleh melompat ke dalam perahu-perahu musuh dari tebing sungai dan dari pinggir-pinggi Bukit Tiga.

Melalui jalan darat dan berperahu angkatan perang Linggi menuju ke Simpang, memerangi angkatan Raja Ali dan Syed Shaaban. Puak Linggi akhirnya berjaya menawan Simpang dan menghalau keluar angkatan Raja Ali - Syed Shaaban. Sejak itu Simpang telah dikawal rapi oleh Linggi.

Menurut sumber dari Linggi ada juga tentera Raja Ali - Syed Shaaban menyerang Linggi melalui jalan darat dari arah Timur. Mereka sampai ke suatu tempat dalam kampung Linggi dipanggil Solek. Sebuah anak sungai Linggi dipanggil Sungai Solek mengalir ke Sungai Kundang dan masuk ke Sungai Linggi. Mereka cuba menggunakan sungai ini untuk menguasai Sungai Linggi. Mereka akan berusaha merampas perahu-perahu orang Linggi untuk menghilir Sungai Linggi dan menyerang serta merampas Bukit Tiga, tetapi sebelum

mereka berjaya tentera Raja Ali – Syed Shaaban telah dikepung oleh orang-orang Linggi di Solek di Sungai Selok dan di Sungai Kundang. Mereka tidak dibunuh sebaliknya diminta berdamai dan meninggalkan Linggi dengan baik. Mereka balik ke Rembau melalui jalan darat.

Perang ini berakhir dalam masa yang singkat. Selepas TM 1883 apabila berakhirnya Perang Naning sehingga TM 1848 Sungai Linggi telah jadi aman damai dan perdagangan berfungsi pula sepenuhnya. Tetapi dalam TM 1849 Dato' Muda Linggi iaitu Dato' Mohd. Kattas dan Dato' Kelana Sungai Ujung – Dato' Kelana Kawal – kedua-duanya telah meninggal dunia. Selepas kematian mereka situasi perdagangan dan politik Sungai Ujung telah berubah dengan segera.

Suatu pergolakan politik yang panjang di Sungai Ujung telah berlaku lagi sehingga TM 1874. Pergolakan itu berakhir dengan adanya campur tangan Inggeris. Dalam TM 1853 iaitu lima tahun selepas kematian Dato' Muda Mohd. Kattas dan Dato' Kelana Kawal, perdagangan di Sungai Linggi bergolak semula. Ini disebabkan ada beberapa pihak dari Rembau dan dari Sungai Ujung merebutkan hak memungut cukai di Sungai Linggi. Dalam TM 1853 ini suatu usaha telah dibuat oleh pihak yang terlibat dalam perdagangan di Sungai Linggi bagi menetapkan suatu cara memungut cukai yang boleh memuaskan semua pihak tersebut. Cara itu ialah mengenakan cukai sepuluh peratus kepada perdagangan bijih timah, sementara lain-lain bahan perdagangan dikecualikan dan kuasa memungut cukai diserahkan kepada orang Cina di Melaka. Satu pertiga dari cukai diserahkan kepada orang China di Melaka. Satu pertiga dari cukai itu akan dibahagi-bahagikan kepada orang-orang besar yang terlibat dalam perebutan itu.

Ketetapan ini tidak dapat dikuatkuasakan, sebaliknya pemungut-pemungut cukai dari Rembau yang diketuai oleh Lebai Kulop dan disokong oleh Dato' Undang Rembau meneruskan kegiatannya seperti biasa. Bagaimanapun pada bulan Januari 1955 pihak Inggeris dari Negeri-Negeri Selat berjaya mengumpulkan tiga pihak dari Linggi, Sungai Ujung dan Rembau berbincang dalam satu pertemuan yang diadakan di Simpang. Di antara yang hadir ialah Dato' Undang Rembau dan beberapa orang buapak yang mewakili beberapa suku di Rembau; Dato' Kelana Sungai Ujung (Dato' Kelana Sending) dan Dato' Muda Linggi (Dato' Muda Haji Muhd. Salleh). Hasil pertemuan itu Dato' Kelana dan Dato' Undang Rembau bersetuju untuk mengembalikan keamanan di Sungai Linggi. Dato' Muda Linggi telah diberi kuasa untuk menentukan bahawa tidak ada lagi sekatan-sekatan dibuat di Sungai Linggi di sepanjang kawasan lebih ke hilir dari Permatang Pasir. Mereka juga bersetuju bahawa Lebai Kulop hendaklah dikeluarkan dari Simpang secara paksa.

Tindakan pada bulan Ogos 1855 ini juga masih kurang berkesan. Oleh itu pihak Inggeris telah bertindak membantu Dato' Muda Linggi. Pada TM 1857 keamanan berjaya diujudkan dan berkekalan sehingga TM 1865. Dalam tahun ini Dato' Kalana Sending telah pergi ke Linggi merancangkan suatu pemungutan cukai yang tetap di Linggi. Tindakan ini menimbulkan kemarahan kepada Rembau kerana tidak berunding lebih dahulu dengan Rembau. Bantahan ini menyebabkan Dato' Kelana menawarkan sebahagian kecil dari

cukai itu kepada Rembau. Dato' Undang Rembau menolak tawaran itu. Ia masih menganggap Rembau sama berkuasa terhadap Sungai Linggi. Kesannya keamanan perdagangan dan suasa politik di sepanjang Sungai Linggi dan melibatkan pula kedua-dua daerah Sungai Ujung bergolak semula. Hal ini berterusan sehingga TM 1872.

Dalam bulan November 1872 Dato' Undang Rembau telah meninggal dunia di Lubok China. Jawatan Dato' Undang Rembau yang kosong itu telah menjadi rebutan di antara dua orang yang sama-sama kuat dan berpengaruh. Mereka ialah Haji Mustafa dan Haji Sahil. Kedua-duanya bergelar Dato' Perba (Purba). Di antara keduanya ini Haji Sahil lebih agresif.

Batu yang digunakan untuk membina tembok perkuburan ini ialah jenis bata merah berukuran sepuluh inci panjang, lima inci lebar dan satu inci setengah tebal. Batu bata seperti ini tidak mudah lagi di dapati sekarang ini. Tebal tembok yang dibina adalah antara lapan hingga dua belas inci tebal.

Selain kesan di atas, maka kesan pembinaan kubu atau kota pertahanan tidak lagi dapat dikesan dengan mudah. Kawasan persekitaran Bukit Tiga hingga ke tebing sungai Linggi setinggi lebih kurang tiga puluh kaki, telah dipenuhi oleh ladang getah persendirian. Bukit Tiga boleh didatangi dengan mudah berkenderaan motokar hingga kira-kira 100 meter dari 'Keramat Bukit Tiga'. Jalan masuk ke 'keramat' ini ialah dari Ladang Bukit Bertam, di jalan raya antara Linggi dan Lubuk China.

'Keramat Bukit Tiga' masih sentiasa dikunjungi oleh pihak-pihak yang berminat. Bagaimanapun kesan tumbuhnya sebatang kayu di bahagian hilir 'keramat' ini telah hampir meruntuhkan tembok perkuburan ini. Pokok kayu itu telah tumbuh dengan subur di atasnya setinggi lebih dari tiga puluh kaki. Dalam masa setahun dua ini pokok ini mempunyai kemungkinan boleh merobohkan tembok keramat ini dan usaha-usaha memelihara seterusnya akan menjadi lebih sukar.

Ia telah mengambil tindakan terhadap Dato' Muda Linggi apabila ia mendengar bahawa Dato' Muda itu telah membina kota dalam kawasan tanah jajahannya di Simpang. Haji Sahil telah membawa orang-orangnya menyerang kota itu dan menyerang pula sebuah kota lain di Bukit Tiga. Setelah tindakan itu Haji Sahil telah memungut cukai dari perahu-perahu perdagangan yang lalu lintas di situ. Perbuatannya ini banyak mendatangkan gangguan kepada kebebasan lalu lintas perdagangan bijih timah di Sungai Linggi.

#### Kesimpulan.

Dari keterangan-keterangan yang dipaparkan yang sentiasa bergolak selama hampir lima puluh tahun sejak TM 1830 hingga pertengahan 1870 an, jelas menunjukkan bahawa di samping Simpang yang telah terbina sebuah kota kekal hingga sekarang; maka BUKIT TIGA merupakan sebuah 'Bukit Tumpuan Arus' yang dikira strategik dan jadi perebutan antara institusi-institusi politik di Sungai Ujung dan Rembau. Malahan pada TM 1872 di-

itakan telah terbina sebuah Kota di Bukit Tiga. Tentunya dibina oleh orang-orang Linggi. Iota Bukit Tiga ini ditawan oleh Dato' Mohd. Sahil dari Rembau pada TM 1872. Untuk sekurang-kurangnya setahun dua Kota Simpang, Kota Bukit Tiga dan Sungai Linggi pernah dikuasai oleh Rembau.

Iesan dari pergolakan yang tidak aman inilah menyebabkan Sungai Ujung mulai terletak di bawah pentadbiran Inggeris mulai April 1874.


#### Iesan Sejarah.

Iesan Sejarah yang masih kekal di Bukit Tiga ialah merupakan sebuah tembok empat segi ujur setinggi tiga kaki; lebarnya tujuh kaki setengah dan panjangnya tiga puluh kaki. Ia merupakan sebuah perkuburan orang Islam. Penduduk setempat memanggilnya 'keramat Bukit Tiga'. 'Perkuburan' ini tidak mempunyai sebuah pun batu nisan atau sebarang tandanya bertulis yang boleh menentukan siapa sebenarnya yang telah dikuburkan di situ, jika sebenarnya adalah sebuah perkuburan. Keanehan yang terdapat di atas 'perkuburan' ni ialah sebuah petak mata air berbentuk lonjong berukuran lilit lebih kurang dua puluh iki. Petak ini sentiasa berair sekalipun pada musim kemarau. Pada lawatan kali kedua ang saya buat pada 26hb. Julai, 1987 petak ini masih berair, tetapi hitam kerana berampur sampah-sampah yang telah hancur. Lawatan saya yang pertama saya buat pada ahun 1950, waktu itu saya masih kecil.



*Yang berwarna cerah (Kuning air) dalam gambar ini ialah permukaan air Sungai Linggi menghala ke hilir ketika surut.*

*Gambar diambil dari bahagian kaki Keramat Bukit Tiga pada Ahad 26/7/87.*



Gambar 'KERAMAT BUKIT TIGA'. Diambil pada AHAD 26/7/87.  
Pokok kayu berkain putih adalah bahagian kaki yang menghala ke hilir  
Sungai Linggi. Tembok bahagian kanan gambar ini betul-betul  
terletak di tebing Sungai Linggi, pada suatu selekoh sungai.  
Arus sentiasa bertumpu ke tebing Sungai & Keramat ini. Pokok itu  
telah merosakkan bahagian kaki Keramat ini.



Gambar pada Ahad 26/7/87  
menunjukkan bahagian kaki Keramat Bukit Tiga. Jelas menunjukkan  
akar-akar pokok telah merosakkan bahagian kaki tembok Keramat ini.